

04 JUN 1999

Mahathir-SPR

KERAJAAN SUDAH ADA CALON GANTI HARUN DIN, KATA PM

SEPANG, 4 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini kerajaan telah menyenaraikan beberapa orang calon bagi menggantikan Datuk Harun Din sebagai Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Harun akan bersara pada 21 Jun.

Dr Mahathir berkata pengganti Harun akan diumumkan sebaik sahaja kerajaan memutuskan pegawai yang layak.

Ketika ditanya mengenai persaraan Harun, Dr Mahathir berkata sudah sampai masanya beliau (Harun) berbuat demikian kerana kerajaan telah beberapa kali melanjutkan tempoh perkhidmatannya.

Ketika bercakap pada persidangan berita di Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini sekembalinya dari lawatan tujuh hari ke Jepun, Dr Mahathir berkata persaraan Harun tidak akan menjejaskan persiapan menghadapi pilihan raya umum yang perlu diadakan sebelum Jun depan.

"Dia dah siap semua, jadi tiada masalah," katanya.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan kerajaan melanjutkan sekali lagi perkhidmatan Harun sehingga selepas pilihan raya umum berakhir, Dr Mahathir berkata belum ada keputusan untuk berbuat demikian.

Ketika mengumumkan persaraannya di Johor Baharu hari ini, Harun berkata beliau akan bersara pada 21 Jun setelah sembilan tahun memegang jawatan itu.

Harun berkata persaraan beliau adalah mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan memandangkan beliau sudah berusia 65 tahun.

Harun dilantik sebagai Pengerusi SPR pada 1 Okt 1990.

-- BERNAMA

AR NMO